

Dr M setuju dicalon jadi perwakilan

ALOR STAR: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau berhasrat untuk menggunakan peluang sebagai perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu ke Perhimpunan Agung parti itu untuk meluahkan tegurannya terhadap kepemimpinan.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, beliau bersetuju untuk menerima pencalonan sebagai perwakilan Umno dari bahagian berkenaan ke perhimpunan agung di Kuala Lumpur pada November ini.

"Pasal pencalonan ini, saya dah terima. Kalau tak terima orang kata takut pula. Syukur nama saya dicalon antara G7 (perwakilan bahagian). Saya tidak tahulah, kerana malam ini (tadi) ada orang hendak jumpa saya minta tarik diri," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika sesi soal jawab selepas memberi ceramah bertajuk "Cabaran Pembangunan Ummah" dalam majlis anjuran Dewan Perhimpunan Melayu Kedah, di sini, semalam.

Setiap bahagian Umno akan menghantar 13 perwakilan.

Dr Mahathir adalah Ketua Umno Bahagian Kubang Pasu hingga bersara pada 2003.

Ditanya mengenai kenyataan bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas, bahawa sistem kehakiman dikongkong ketika pentadbirannya, Dr Mahathir berkata, ia hanya persepsi kerana beliau tidak berupaya melakukannya.

"Itu persepsi dia, saya tidak berupaya mempengaruhi kehakiman. Kehakiman sebenarnya membuat keputusan tidak menyebelahi saya banyak kali termasuk mengisytiharkan Umno haram," katanya.